

Mahathir: Saya bukan orang kiri

DASAR TIDAK BERUBAH

KUALA LUMPUR, Sabtu — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, menegaskan hari ini beliau 'bukan orang kiri', dan kaum lain serta pelabur asing di negara ini tidak perlu takut dan bimbang.

Presiden UMNO yang baru itu menambah, tidak ada perkara yang patut dibimbang atau ditakuti kerana dasar negara kini tidak akan berubah disebabkan pertukaran pucuk pimpinan UMNO.

"Kalau adapun perubahan, hanya lah dari segi pelaksanaan dan ini tidak sedikitpun menyentuh dasar yang diatur di bawah pimpinan Datuk Hussein Onn.

Oleh itu, tegas beliau, "kaum bukan Bumiputera dan pelabur asing yang menanam modal di negara ini tidak perlu takut dan bimbang disebabkan pertukaran pucuk pimpinan UMNO," tambahnya lagi.

Beliau berkata demikian ketika ditanya di majlis jamuan teh di Perhimpunan Agung UMNO tentang saranan yang menyatakan barisan pimpinan UMNO yang dipilih semalam adalah dari golongan nasionalis Melayu.

Beliau berkata, "Saya mengakui saya seorang nasionalis, tetapi apakah tindak tanduk saya selama menjadi Menteri Kabinet merugikan peniaga ataupun pelabur asing di negara ini?"

"Bukankah saya sendiri telah menggalakkan pelabur asing menanam modal di negara ini dengan seluas-luasnya seperti yang berlaku di projek Bintulu, pelabuhan Pasir Gudang dan sebagainya".

Beliau menegaskan, apa yang dilakukannya adalah disebabkan ia mesti dilakukan.

"Saya tidak fikir disebabkan saya berbuat sesuatu yang patut dilakukan itu saya mesti dituduh sebagai 'orang kiri' atau 'orang kanan' atau 'orang kiri dalam kanan', tegas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberi jaminan, tidak ada perubahan radikal akan dilakukan apabila beliau mengambil pucuk pimpinan negara.

Mengenai keutamaan yang akan diberi bila memegang jawatan Presiden, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "Saya terlebih dahulu ingin memahami selok belok parti serta rakan-rakan dalam Majlis Tertinggi.

"Saya memang telah memperkerusikan mesyuarat kabinet sewaktu ketidadaan Datuk Hus-

sein, tetapi sehingga ini saya belum pernah memperkerusikan mesyuarat parti," ujarnya.

Mengenai kedudukan Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah yang tewas merebut jawatan Timbalan Presiden di tangan Datuk Musa Hitam semalam, beliau berkata "Saya secara peribadi tidak menghalang Tengku Razaleigh terus memegang jawatan kabinet, di samping terus berkhidmat dalam parti.

Bagaimanapun, katanya, sebagai Presiden, "Saya juga perlu menunjukkan perkara itu ke Majlis Tertinggi untuk meluluskannya. Ini juga terserah kepada Tengku

kaum bukan Bumiputera dan pelabur asing yang menanam modal di negara ini tidak perlu takut dan bimbang disebabkan pertukaran pucuk pimpinan UMNO.

Razaleigh, sama ada beliau menerimanya atau tidak.

Menjawab soalan lain, beliau berkata, "Saya rasa Tengku Razaleigh tidak perlu dipujuk untuk terus berkhidmat dalam kabinet dan parti kerana beliau sendiri mempunyai tanggungjawabnya sebagai anggota parti.

"Saya sendiri yakin, Tengku Razaleigh mempunyai pendirian dan prinsipnya sendiri," jelas beliau.

Mengenai dakwaan bahawa kekalahan Tengku Razaleigh akan menyebabkan pengaruh PAS meningkat, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata "Saya tidak fikir pengaruh PAS akan meningkat disebabkan Tengku Razaleigh tidak terpilih sebagai Timbalan Presiden.

"Perkara itu hanya timbul ketika kempen mencari pengaruh sebelum pemilihan dahulu," katanya.

Beliau menegaskan masalah parti itu tidak

mungkin berlaku kerana setiap ahli UMNO tahu tanggungjawab masing-masing.

Presiden UMNO itu menggesa ahli-ahli UMNO seluruhnya menerima keputusan majoriti dalam pemilihan pucuk pimpinan di Perhimpunan Agung UMNO.

Mengenai rombakan kabinet, beliau berkata, kebiasaannya Timbalan

Sekitar Perhimpunan Agung UMNO Malaysia Ke-32
Laporan: NORDIN MOHAMAD, ZAINUDDIN AYIP, JAMALUDDIN BAKAR, JAMILAH HAMID, YUNUS ALIAS dan MIOR KAMARUL SHAHID.

Presiden dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri.

"Itu hanya kebiasaan sahaja," tambahnya sambil tersenyum.

Ditanya sama ada beliau akan terus menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian selepas menjadi Perdana Menteri, beliau berkata,

"Saya juga belum memikirkan perkara tersebut. Tetapi apa yang jelas, saya akan kurang melawat ke luar negeri seperti yang saya lakukan dahulu."

"Saya akan banyak duduk dalam negeri untuk mempastikan segala yang dirancangan terlaksana," tambahnya.

No. Siri 10,024
No. Penerimaan 3847/187

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia